

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Iktibar di sebalik bencana banjir</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 1
2.	<u>Bah landa Disember, Januari</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 2
3.	<u>Tak bertanggungjawab! Kilang kelapa sawit didakwa lepas asap secara terbuka hingga undang pencemaran</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 3

## TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
4.	<u>Ribut dating tika cuaca cerah</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 4
5.	<u>Ayah pemangkin semangat Dr Serena</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 5
6.	<u>Dr Serena wins cancer research prize</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 6
7.	<u>Siput flood evacuees rise to 212</u>	The Star	Rujuk Lampiran 7



## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
8.	<u>Dua angkasawan wanita AS bakal cipta sejarah</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 8
9.	<u>Gempa Filipina rugut 5 nyawa</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 9
10.	<u>China a key driver for green energy development, says report</u>	The Star	Rujuk Lampiran 10
11.	<u>Temasek ramps up push into renewables</u>	The Star	Rujuk Lampiran 11

**LAMPIRAN 1**  
**SINAR HARIAN (ANALISIS): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

# Iktibar di sebalik bencana banjir

**Analisis  
Muka 16**NURUL HIDAYAH  
HAMID

**O**h banjir datang lagi... Sejak dua minggu lepas, beberapa perkampungan di Baling, Kedah mula dinaiki air hingga memaksa penduduk berpindah walaupun pada waktu malam.

Bukan sekali, tapi sudah tiga kali. Jadi, penduduk yang terlibat terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) berhampiran kawasan kediaman demi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

Kemungkinan gelombang banjir di kawasan berkenaan berulang ekoran hujan lebat sejak kebelakangan ini. Hujan lebat turut menyebabkan beberapa kediaman penduduk di Kulim dan Kubang Pasu ditenggelami air.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kedah, Leftenan Kolonel Awang Askandar Ampuan Yaacob berkata, pihaknya bersiap-siaga dengan kekuatan aset di darat dan air demi berdepan Monsun Timur Laut itu.

Menurutnya, APM Kedah bersedia dengan aset seperti 15 lori, 12 ambulans, 13 kenderaan pacuan empat roda dan 85 bot pelbagai jenis untuk beroperasi jika banjir berlaku.

Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan, ramalan cuaca di Kedah menunjukkan tiada hujan di waktu pagi, bagaimanapun ribut petir pada waktu petang dan malam di satu dua lokasi.

Apa yang pasti, penduduk khususnya yang tinggal berdekatan sungai bimbang setiap kali hujan turun tanpa henti dilukti air sungai naik dan melimpah ke kediaman mereka.

Bagi sesetengah penduduk Kedah, banjir mengingatkan mereka kepada fenomena banjir besar 2010 yang

mengakibatkan ribuan mangsa dipindahkan, jalan ditutup, kerosakan harha benda dan kerugian wang ringgit.

Malah, air banjir yang berwarna keruh itu adakalanya membawa sampah dibuang manusia sendiri hingga membawa kepada pencemaran.

Ada ketikanya, penduduk terpaksa berjaga malam memikirkan sama ada air naik atau tidak.

Mereka juga bimbang jika tertidur lena maka mereka tidak sempat memindahkan barang antara gelombang banjir membadi kediaman.

Golongan petani turut resah menganangkan sama ada beroleh hasil ataupun berputus mata sekiranya padi ditenggelami air.

Ibu bapa juga bimbangkan keselamatan ahli keluarga terutamanya anak-anak mereka akibat banjir melanda. Ada ketika beberapa sekolah terpaksa ditutup disebabkan air naik terlalu tinggi dan mengundang bahaya kepada pelajar dan murid.

Kali ini, banjir yang berlaku mungkin disebabkan faktor semula jadi iaitu hujan lebat tanpa henti disebabkan Monsun Timur Laut.

### **Punca**

Bagaimanapun, jangan kita lupa ada juga kejadian banjir disebabkan perbuatan manusia sendiri. Penebangan pokok dan pembalakan haram, pembangunan tidak terkawal, pembuangan sampah hingga menyebabkan longkang dan parit tersumbat juga antara punca banjir.

Dalam setahun, boleh dikatakan dua hingga tiga kali pastinya ada sahaja kawasan di negeri Jelapang Padi itu yang dinaiki air.

Pada Januari lepas, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kerajaan negeri amat komited dalam pemuliharaan alam di Hutan Simpan Ulu Muda apabila meng-

hentikan pembalakan di kawasan itu pada tahun lalu.

Bagi Exco Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air dan Tenaga, Datuk Zamri Yusuf, beliau yakin masalah banjir di Kedah selesai dengan projek Rancangan Tebatan Banjir pakej dua.

Beliau menjelaskan, projek RTB di Kedah dianggarkan bernilai RM641 juta merangkumi tiga pakej, iaitu pakej satu menaik taraf Sungai Baru/Sungai Kubang Rota, diikuti pakej dua pembinaan lengcongan Sungai Baru dan menaik taraf Sungai Anak Bukit serta kerja-kerja berkaitan RTB.

ADUN Suka Menanti itu berkata, pakej tiga melibatkan kerja menaik taraf Sungai Tanjung Pauh, terusan utama, terusan utara Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan menaik taraf Sungai Anak Bukit.

Banjir di Kedah baru-baru ini mungkin tidak sebesar banjir besar 2005 dan 2010, namun ia masih perlu diteladani.

Antaranya, semua agensi sama kerajaan ataupun sukarelawan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), APM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pejabat Daerah, polis dan lain-lain dilihat berlumba-lumba membantu mangsa.

Tidak dinafikan banjir membawa air mata, derita dan kerosakan namun dalam masa yang sama ia mendekatkan penduduk tanpa mengira perbezaan kaum, bangsa dan agama.

Kiti juga boleh mengambil iktibar daripada banjir di Jepun akibat Taufan Hagibis yang mana airnya tetap jernih tidak seperti banjir di Malaysia.

Malah, banjir juga petanda kepada manusia supaya tidak terlalu asyik mengejar pembangunan sebaliknya ambil berat soal alam sekitar.

\*Nurul Hidayah Hamid ialah wartawan Sinar Harian Edisi Utara

**LAMPIRAN 2**  
**HARIAN METRO (LOKAL): MUKA SURAT 22**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

Kuala Lumpur

**K**elantan, Terengganu dan utara Semenanjung dijangka dilanda banjir bulan depan, menurut Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor pula diramalkan mengalami banjir pada Disember manakala Johor, Pahang dan barat Sarawak pada Januari 2020 serta barat Sarawak pada Februari tahun hadapan.

Perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Pusat di Putrajaya semalam dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Menurut kenyataan dikeluarkan oleh Nadma berhubung mesyuarat itu, Jabatan Meteorologi meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) akan bertifup bermula hujung bulan ini hingga Mac depan dengan tahap banjir dijangka hampir sama dengan keadaan yang berlaku pada 2016 dan 2017.

Sehubungan itu, timbalan perdana menteri mengarahkan agensi di semua peringkat daerah, negeri dan persekutuan untuk memastikan persediaan sumber manusia, aset, pusat pemindahan sementara, depoh, pangkalan hadapan dan bekalan sokongan sentiasa berada pada ta-

hap yang optimum agar tidak balas sepanjang musim itu berjalan lancar.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat turut memutuskan supaya cuti pegawai dan anggota yang terlibat dalam pengurusan bencana dibekukan mulai November ini hingga Februari tahun hadapan membabitkan pegawai agensi pengurusan bencana, pegawai pejabat daerah dan negeri, anggota polis, tentera, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Bagaimanapun, kelonggaran terhadap pembekuan cuti ini tertakluk kepada bukti dicara Ketua Jabatan masing-masing.

Secara keseluruhannya, 80,672 pegawai dan anggota daripada semua agensi yang terbabit berada dalam keadaan bersiap siaga sepuhunya.

Mereka dibantu 6,490 aset serta jentera seperti bot, lori dan ambulans serta 28,552 buah khemah kubikel untuk kegunaan pusat pemindahan selain Kementerian Kesihatan juga berada dalam keadaan bersiap siaga dari aspek kemudahan kesihatan.

Untuk musim tengkujuh kali ini, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM4 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) bagi perbelanjaan operasi



## Bah landa Disember, Januari

*Cuti pegawai, anggota terbabit dalam pengurusan bencana dibeku bermula November hingga Februari*

SERAMAI 80,672 pegawai dan anggota daripada semua agensi yang terbabit berada dalam keadaan bersiap siaga.

bencana dengan RM100,000 akan diagihkan kepada setiap agensi terbabit.

Pada masa sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengatur gerak Pusat Pemindahan Sementara (PPS) banjir yang kini berjumlah 5,482 bagi menam-

pung kapasiti seramai 1,626,368 mangsa.

Sejumrah 6,044 pegawai, 165 kaunselor, 942 Pasukan Sokongan Psikologi (PST) dan 11,559 sukarelawan JKM akan digerakkan apabila perlu dan semua depot dan stor di peringkat negeri serta dae-

rah juga diarah untuk selesai membuat penambahan stok sebelum bermulanya MTL.

Terdapat tujuh Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB), 162 stor bencana negeri, daerah, depot mini kontena dan 528 pangkalan hadapan yang bersedia un-

tuk menyampaikan perkhidmatan.

Nadma juga akan meningkatkan sistem amaran bencana iaitu penyampaian mesaj termasuk melalui media sosial kepada komuniti yang berisiko tinggi berdepan bencana itu. - Bernama

Nadma juga akan meningkatkan sistem amaran bencana

**LAMPIRAN 3**  
**HARIAN METRO (LOKAL): MUKA SURAT 42**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
am@metro.com.my

Georgetown

# Tak bertanggungjawab!

Kilang kelapa sawit didakwa lepas asap secara terbuka hingga undang pencemaran

Tindakan kilang memproses kelapa sawit sekitar Nibong Tebal yang melepaskan asap secara terbuka, bukan saja menyebabkan pencemaran udara malah turut mendatangkan bau busuk.

Pencemaran bau berkenaan membulatkan rasa kurang senang penduduk berhampiran serta dikhuatir menjejaskan kesihatan terutama wanita hamil dan bayi.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meenakshi Raman berkata, masalah pencemaran bau itu dapat dihindu dari jarak beberapa kilometer dan kepulan asap turut mengeluarkan debu serta habuk yang melekit pada tingkap, bumbung rumah, kenderaan dan ruang legar kawasan perumahan.

“Ia diperlukan berpunca daripada kilang memproses sawit yang beroperasi di Jalan Sungai Kecil dan Bandar Baharu serta memberi kesan kepada penduduk berhampiran terutama Kampong Teluk.

Kawasan lain iaitu Kampung Ampang Jajar, Kampung Ladang Transkrian, Universiti Sains Malaysia (USM) Nibong Tebal dan beberapa tamans perumahan turut menerima kesan yang sama.

Malah, penduduk yang ditemu menyatakan masalah itu sudah lama berlaku dan terpaksa menghindari bau busuk yang datang daripada kolam rawatan turut bersebelahan penempatan mereka.

“Tinjauan SAM mendapati kilang itu bukan saji melepaskan asap pada waktu siang tetapi juga malam, seolah-olah tiada had.

“Gumpalan asap itu kemudian diterbangkan mengikut arah angin serta membawa bau kurang menyenangkan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Meenakshi, SAM



PELEPASAN asap secara terbuka dari kilang memproses sawit yang beroperasi di sekitar Nibong Tebal.



PELEPASAN asap turut dilakukan pada waktu siang.

memandang serius perkara berkaitan kerana impak harian penduduk terjejas malah mereka terpaksa menutup tingkap dan meng-

elak daripada duduk di luar rumah.

Bukan saja tidak dapat

“  
SAM memandang serius perkara berkaitan  
Meenakshi Raman

mengakukan aktiviti luar seperti bercucuk tanam, disebabkan gangguan bau itu, jadual tidur mereka terganggu.

Sehubungan itu, SAM berpendapat kilang sawit berkenaan bermasalah dari segi pengurusan buangan berjaya, penyelenggaraan kolam rawatan, pengendali ‘empty fruit bunches’ (EFB) serta asap hitam dan putih dari cerobong.

Ini belum mengambil kira sisa cecair yang mungkin masuk ke saliran berdekatan seterusnya ke Sungai Kerian.

“Jika didapati terdapat pencemaran pada kandungan air dari Sungai Kerian, golongan nelayan sungai turut terkesan dengan masalah ini,” katanya.

Justeru, SAM menggesa Majlis Bandaraya Seberang Perai, Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan melakukan tinjauan serta menganalisa kandungan asap dan air selain mengawal pencemaran bau daripada terus mengganggu kehidupan sehari-hari penduduk berdekatan.



**LAMPIRAN 4**  
**HARIAN METRO (LOKAL): MUKA SURAT 29**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

# Ribut datang tika cuaca cerah

Peniaga memasak di dapur terkejut angin sapu bumbung, terus bawa isteri, anak keluar rumah

Oleh Hasbi Sidek  
mohd.hasbi@hmetro.com.my

Seremban

**S**aya sedang memasak di dapur sebelum angin kuat datang sekali lalu dan merangkap bumbung rumah," kata Hairy Afandey Samsuddin, 45, penduduk Taman Desa Rhu Sikamat, di sini.

Mengimbau kembali kejadian itu dia berkata, tiada sebarang petanda ribut melanda kerana ketika itu cuaca cerah dan tidak hujan.

Peniaga makanan itu berkata, secara tiba-tiba angin kuat dan dia mendengar buncit di bahagian bumbung sebelum mendapati atap rumahnya tercabut, malah tangki air turut bocor menyebabkan air menitis ke dalam rumah.

Hairy Afandey berkata, dia yang terkejut dengan kejadian itu turut membawa isteri dan anak kelaki bersua dua tahun keluar kerana khawatir sesuatu buruk berlaku.

"Bimbang siling roboh dan air yang menitis menyebabkan litar pintas, saya menyelamatkan anak dan keluar dari rumah bersama isteri," katanya ketika ditemui di rumahnya semalam.

Dalam kejadian jam 12.30 tengah hari kelmarin, 11 rumah penduduk di taman berkenaan rosak selepas bumbung kediaman mereka diterbangkan angin.

Katanya, selang beberapa



HAIRY Afandey



Pekerja membawa bumbung rumah yang rosak semalam

jam kemudian, hujan lebat melanda kawasan itu menyebabkan air masuk mencurah-curah ke dalam rumah dan bertakung.

"Beberapa barang elektrik seperti televisyen dan kipas siling rosak. Bagaimanapun, dokumen penting dan buku sekolah anak-anak sempat diselamatkan."

"Kos membaiki pulih bumbung dan struktur rosak mungkin mencecah sehingga RM5,000 namun pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat

Khidmat DUN banyak memberikan bantuan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Azalina Jamiludin, 53, berkata, ketika kejadian dia berada di Melaka dan sebaik tiba di rumahnya jam 2.30 petang, dia mendapati jiran sudah berkumpul di hadapan rumah masing-masing.

"Dianggarkan enam hingga tujuh bumbung rumah saya diterbangkan angin dan kini sedang dibikti," katanya yang juga jiran kepada Hairy Afandey.

**LAMPIRAN 5**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 08**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

**Nasional**

Saintis Malaysia terima Anugerah Josef Steiner

# Ayah pemangkin semangat Dr Serena

Kajian terhadap tafsiran genom kanser diiktiraf dunia penyelidikan

Oleh Syalikha Sazili  
syalikha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang saintis Penyelidikan Kanser United Kingdom (CRUK) warga Malaysia, Dr Serena Nik Zainal bakal menerima Anugerah Josef Steiner atas kejayaannya melakukan kajian terhadap penafsiran genom kanser secara menyeluruh.

Anugerah berkenaan akan disampaikan di University of Bern,

Switzerland, pada petang ini waktunya tempatan.

Berdasarkan kajian beliau berjulk *Accelerating holistic cancer genome interpretation towards the clinic*, mutasi dalam tumor kanser boleh dianalisis menggunakan kaedah bioinformatik yang baharu.

Ia sekali gus membolehkan pendekatan baharu untuk terapi kanser yang disasarkan.

Dr Serena, 43, yang juga Pakar Perunding di Klinik Genetik di Universiti Cambridge menjelaskan, halangan utama bagi teknologi genom dan konteks klinik itu ialah ia memerlukan kapakanan menyeluruh serta analisis klinikal untuk difahami.

"Gabungan analisis komputer dan eksperimen akan membantu pemahaman terhadap genom kanser ini," katanya menerusi satu kenyataan dalam laman sesawang rasmi Universiti Cambridge.

Anugerah Josef Steiner pada asalnya juga dikenali sebagai Hadiah Nobel Penyelidikan Kanser.

Dr Serena adalah lulusan perubatan dari Universiti Cambridge pada 2000 menerusi biasiswa daripada PETRONAS, mengikut biografi beliau dalam laman penyelidikan universiti itu, [www.mrc-cu.cam.ac.uk](http://www.mrc-cu.cam.ac.uk).

Beliau mengambil ijazah doktor falsafah di Institut Wellcome Sanger pada 2009 menerusi kajian kanser payu dara *whole genome sequencing* (WGS).

Sementara itu, abangnya yang juga Pakar Jantung di Hospital Gleneagles, Dr Nik Helmy Nik Zainal, berkata keluarga berbangga dengan pencapaian Dr Serena.

**Ayah pemangkin semangat untuk ceburi bidang perubatan. Jika beliau ada sudah tentu akan berbangga dengan pencapaian Dr Serena.**

Dr Nik Helmy Nik Zainal,  
Abang

"Alhamdulilah beliau diberi penghormatan yang besar ini. Perasaan gembira bercampur sedikit suram kerana meninggat arwah ayah kami (Dr Nik Zainal Abidin Nik Abdul Rahman)."

"Beliau (bapa) adalah antara pakar jantung pertama negara. Ayah menjadi pemangkin semangat kami dua beradik untuk ceburi bidang perubatan."

"Jika beliau ada hari ini sudah tentu akan berbangga dengan pencapaian Dr Serena," katanya.




Dr Serena Nik Zainal

## LAMPIRAN 6

NEW STRAITS TIMES (STORY OF THE DAY): MUKA SURAT 08  
TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)

8

## NEWS / Story of the day



Professor Dr Nik Serena Nik Zainal (right) is being honoured for her work in cancer genome interpretation.

## DR JOSEF STEINER AWARD

## DR SERENA WINS CANCER RESEARCH PRIZE

Cambridge-based scientist will receive award in Switzerland today

SARAH RAHIM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**B**e authentic and stay true to yourself. Be something because you want to, not because anyone else wants you to."

These are the words that Professor Dr Nik Serena Nik Zainal lives by, and also her advice to others on pursuing their dreams.

Dr Serena, after all, knows what she's talking about. She has been chosen as the recipient of the Dr Josef Steiner Cancer Research Prize 2019.

Dr Serena, based in the United Kingdom and attached to the University of Cambridge's Department of Medical Genetics, will receive the award at the University of Bern in Switzerland today.

The award, commonly dubbed the "Nobel prize in cancer research", is being presented to her for her work on cancer

genome interpretation.

Her research work allows for mutations in cancer tumours to be analysed using new bio-informatic methods, which in turn enables new approaches to targeted therapies.

Speaking to the *New Straits Times* via email, she said it was her late father, Datuk Dr Nik Zainal Abidin Nik Abdul Rahman, who had encouraged her to take every opportunity that came her way.

Dr Zainal was a prominent cardiologist who helped to build the foundations of the National Heart Institute.

"This was what my father told me before I left Malaysia for the United Kingdom in 1993," said Dr Serena, who was a Petronas scholar for medicine, and is also a Cambridge Commonwealth Trust fellow.

She said although her Kelantanese father had inspired her to pursue her dream, it was her mother who had kept them grounded.

"My mother was a nurse in the past. She was a very solid and stoic person."

She said she started doing her PhD at the Wellcome Sanger Institute, where she learnt ways to analyse the whole genome sequences of human cancer.

On her work, she said it was

based on studying the whole genome of cancers to understand the cause of each person's specific cancer and guide therapeutic intervention.

"Every tumour is individual. And if we can understand the causes of each person's specific tumour, we may be in a better place to treat it more effectively."

"Although our work began in breast cancer, our methods can be used on any cancer type."

She said in the era of "Big Data", genome sequencing produced an enormous amount of data that needed to be analysed using bio-informatic methods.

"My team develop bio-informatic tools to study genomes. We hope that through the award, we can build better tools and distribute it widely so that the whole cancer genome sequencing becomes easier to do, anywhere in the world."

She said she was humbled by the award and did not expect the positive responses that she received.

Malaysians on social media voiced their pride at her achievements.

She earned plaudits from Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, as well as Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali, who

were among those who congratulated her.

She attributed the success of her research to patients who participated in sharing their materials, tutors, colleagues and collaborators worldwide, as well as charity organisations that had funded her research, training and grants to pursue her interests.

"When I receive this award, it is truly on behalf of and due to a wonderful group of people as this achievement does not come from the work of only one person."

She said her family was delighted over her achievement.

Her older brother, Dr Nik Halim, is a cardiologist at Gleneagles Hospital here.

"He always looked out for me and was always full of good humour," she said, adding that her sister-in-law, Dr Norlina Ramli, is head of department in ophthalmology at Universiti Malaya.

Dr Serena said her Irish husband, Dr Eoin O'Brien, is a geriatrician and stroke physician.

"He is a very kind, a very solid doctor and a rock in my life. I have two wonderfully energetic children, a 15-year-old boy and an 11-year-old girl. They keep me very busy."

She said she had been inspired by many people along the way, whose "little touches" helped

form the person she is.

She attributed her former school as being among the key formative influences in her life.

"I went to an excellent school, the Bukit Bintang Girls School in Kuala Lumpur .

"It had a fantastic culture. It taught us personal responsibility, accountability, pushing us to be the best we could be, at whatever we do. We also had to clean toilets. It really kept us grounded."

She encouraged doctors and scientists who aspire to follow her footsteps to give their best and have fun in their work.

"Don't compare yourself to others. There will always be ups and downs and there will always be some occasions that are fair or unfair. Try to stay committed and true to what you want to do and just go for it."

"Success is in our heads. We are as successful as we would like to believe."

She also advised others to treat others the way one would expect to be treated.

"In this sort of highly competitive field, success sometimes comes at a cost, but it doesn't have to."

"We are all just people, someone's mum, dad, brother, sister, daughter, son. We are all deserving of respect."

**“B**eatiful and stay true to yourself. Be something because you want to, not because anyone else wants you to."

These are the words that Professor Dr Nik Serena Nik Zainal lives by, and also her advice to others on pursuing their dreams.

Dr Serena, after all, knows what she's talking about. She has been chosen as the recipient of the Dr Josef Steiner Cancer Research Prize 2019.

Dr Serena, based in the United Kingdom and attached to the University of Cambridge's Department of Medical Genetics, will receive the award at the University of Bern in Switzerland today.

The award, commonly dubbed the "Nobel prize in cancer research", is being presented to her for her work on cancer



**LAMPIRAN 7**  
**THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

## Sg Siput flood evacuees rise to 212

**IPOH:** The number of villagers evacuated due to flash floods in Sungai Siput has risen to 212 people.

A spokesman from the district Disaster Management Committee secretariat said 163 victims from 57 families were currently housed at the temporary relief centre at Dewan

Haji Mohamad Padil in Kampung Lintang.

He said the number of evacuees still housed at the community hall in Kampung Tok Sirat remained at 49 people from 12 families.

The victims were from Kampung Lintang, Kampung Pondok, Kampung Cherakoh and Kampung Batu 11. — Bernama

Firdaus (18/10/19)

**LAMPIRAN 8**  
**BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 81**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

# Dua angkasawan wanita AS bakal cipta sejarah


Berjalan di angkasa lepas ganti sumber kuasa di ISS

**London:** Angkasawan Amerika Syarikat, Christina Koch dan Jessica Meir bakal melakar sejarah, hari ini apabila mereka menjadi gandingan wanita pertama berjalan di angkasa lepas untuk menggantikan peranti sumber kuasa di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Pasangan itu akan keluar dari ISS jam 11.50 GMT (7.50 petang waktu Malaysia) bagi memperbaiki kerosakan unit bateri caj semula (BCDU) di stesen itu untuk tempoh lebih lima jam.

Sebelum ini, semua wanita yang dirancang untuk misi berjalan di angkasa lepas terpaksa dibatalkan Mac lalu kerana masalah saiz baju angkasawan tidak sepadan menyebabkan rakan lelaki lain menggantinya.

“Kejayaan kami akan memberikan inspirasi kepada pelajar di seluruh dunia, dengan membuktikan bahawa kerja keras pasti membuat hasilnya dan semua pelajar harus melihat diri mereka dalam kejayaan itu,” kata jurucakap Pentadbiran



Angkasawan Christina Koch dan Jessica Meir akan keluar dari ISS untuk tempoh lebih lima jam.

(Foto AFP)

Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) menerusi kenyataan yang di emel.

Koch dan Meir akan menggantikan BCDU selepas bateri itu gagal membekalkan kuasa kepada ISS.

Menurut NASA, alat BCDU akan mengecaj bateri yang menarik tenaga daripada pengumpul tenaga solar untuk membekalkan kuasa kepada stesen di orbit pada waktu malam.

“Difahamkan jurutera NASA itu juga dijangka menyelesaikan

Kejayaan  
kami akan  
memberikan inspirasi  
kepada pelajar  
di seluruh dunia.

**Jurucakap NASA**

rekod sebagai wanita pertama paling lama berada di ruang angkasa sehingga Februari 2020, pencapaian jantina seperti itu yang disifatkan sangat penting.

“Terdapat ramai orang yang mendapat motivasi cerita inspirasi daripada orang yang kelihatan seperti mereka. Saya berpendapat bahawa ia satu aspek penting dalam cerita ini,” katanya semasa dalam taklimat NASA di Houston bulan ini.

AGENSI

**LAMPIRAN 9**  
**BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 78**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**



Penduduk dan pesakit berhati di luar pekarangan hospital di bandar Makilala di wilayah Cotabato Utara, selatan pulau Mindanao, semalam.  
(Foto AFP)

# Gempa Filipina ragut 5 nyawa

300 gempa susulan berlaku di Mindanao, penduduk dilapor kembali tenang

**Manila:** Lima orang terkorban dalam kejadian gempa bumi yang melanda selatan Filipina dengan tiga daripadanya adalah kanak-kanak, menurut pihak berkuasa, semalam.

Gempa berukuran 6.4 magnitud itu menggegar wilayah Mindanao, malam kelmarin mengakibatkan berpuluhan-puluhan bangunan dan rumah musnah.

Petang semalam, pihak berkuasa berkata, insiden itu merugut lima nyawa dan 53 cedera, majoriti di bandar pertanian kecil.

Tiga orang dilaporkan maut

akibat tanah runtuh manakala seorang lagi dihempar runtuh dinding rumah. Mangsa kelima meninggal selepas serangan jantung.

Tiada kematian dilaporkan di bandar raya utama di Mindanao. Pihak berkuasa tempatan sebelum ini menyebut tiga kanak-kanak antara yang terkorban.

Difahamkan, lebih 300 gempa susulan berlaku di kawasan berkenaan sejak gempa besar namun, pihak berkuasa berkata mereka tidak menjangkakan angka maut akan meningkat secara pantas.

Jurucakap majlis bencana kebangsaan, Mark Timbal membezitahu pihaknya belum menerima sebarang laporan mangsa yang hilang dari kawasan dilanda gempa tempoh hari.

"Orang ramai sudah pulang ke rumah. Mereka kembali tenang ketika ini berbanding saat cemas mengharungi gegaran itu serta tidur di jalan berhampiran

kediaman masing-masing tempoh hari," kata pegawai pertahanan awam dari bandar Magsaysay, Zaldy Ortiz kepada AFP.

Bekalan elektrik dilaporkan semakin pulih di bandar raya utama, namun ada kerusakan pada hospital dan bangunan kerajaan serta sekolah di bandar kecil. AFP

**Orang ramai  
sudah kembali  
ke rumah. Mereka  
sudah kembali  
tenang ketika ini  
berbanding saat  
cemas mengharungi  
gegaran itu.**

**Mark Timbal,  
Jurucakap majlis bencana kebangsaan**

**LAMPIRAN 10**  
**THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 33**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

## China a key driver for green energy development, says report

**NANJING:** China has become a key driver for green energy development and a major leader powering technology progress in the area, said a report from China Economic Information Service.

In 2018, China topped the world in terms of newly-added and cumulative installed photovoltaic and wind power capacities, said the report released at a green energy development conference held in the city of Yangzhou in eastern China's Jiangsu Province from Tuesday to Wednesday.

China is also leading the world regarding investments in renewable energy, the report noted.

Boasting multiple green energy patents, China is among the world's most capable powers in developing renewable energy.

Yangzhou has been listed as a model city in renewable energy applications by China's energy administration.

It was found that the city epitomises the country's efforts to build a green society.

While China's green energy policies and industrial systems are gradually improving, development in the sector still faces some bottlenecks, including financing difficulties for businesses and rising operation costs.

To address such issues, China should strengthen policy guidance to encourage business innovation and create more financing channels for them, the report suggested.

China's energy sector is accelerating its transition to a clean low-carbon mode.

Renewable and nuclear energy have accounted for more than half of China's annual increase in installed capacity since 2013, according to a report by the International Energy Agency (IEA).

The share of renewables in meeting global energy demand is expected to reach 12.4% in 2023, according to the IEA forecast. — Xinhua

Friday (18/10/19)

**LAMPIRAN 11**  
**THE STAR (FOREIGN NEWS): MUKA SURT 08**  
**TARIKH: 18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

**SINGAPORE:** Singapore's Temasek Holdings Pte is considering setting up a new unit to house renewable power projects as it increasingly eyes energy investments outside of fossil fuels.

While the S\$313bil state investor remains open to looking at coal and oil deals, the rising volatility of commodity prices combined with society's shift toward sustainability means it's not as attractive a space anymore, said Nagi Hamiyeh, the investment group joint head of Temasek International.

"Now that most of these renewables have reached grid parity, we believe that these make much more sense for us to invest in, more than fossil fuels," Hamiyeh said, referring to the stage at which such assets' output makes them as cheap as other forms of energy.

He added that Temasek sees natural gas as a relatively clean energy source.

Temasek's investment thesis and stance on environmental, social and corporate governance issues mirrors many other large global investors that now actively favour sustainable deals.

Last week, people familiar with the matter said Temasek had decided against investing in Saudi Aramco's initial public offering, in part over environmental concerns.

One historic detraction of renewables has been the returns.

Oil and gas-drilling projects have traditionally offered higher returns to offset the exploration risks involved.

Renewable projects, meanwhile, tend to follow a low-risk, low-reward model pioneered by utilities.

Hamiyeh said Temasek was prepared to invest in greenfield projects - this would mean taking on the risk the projects fail because they can't sign off-take agreements or receive government approval.

"If you don't want to be in an area whereby it's single-digit returns, it has to be a mix," Hamiyeh said.

"The real alpha generation is going to be in greenfield."

Because Temasek doesn't want to build renewable energy projects on its own, Hamiyeh said two options are under consid-

# Temasek ramps up push into renewables

**Singapore fund mulls setting up new unit for RE projects**

eration.

The first would be finding a partner who would be the operator with Temasek's financial backing; the second would be finding a team of experts and building a platform around them.

That's a method the state investor employed in 2013 with the formation of Pavilion Energy Pte, which has one of two licenses to import liquefied natural gas into Singapore and plans to become a global LNG trader.

"To me, these would be the only two ways to get to a scale and to be able to justify the risk-adjusted returns we'll get out of it," Hamiyeh said, declining to say how much money Temasek will put into renewables or when it will make investment decisions.


To be sure, Temasek remains invested in companies like Keppel Corp, a builder of oil and gas rigs, and FTS International Inc.

The US shale fracking firm has seen its market value plunge over the past 18 months amid concerns over its high leverage and challenging industry operating conditions.

Hamiyeh said Temasek frequently shares its prognosis of the fossil fuel market with its partners, but doesn't dictate to portfolio companies how they should run their businesses.

"When you look at increasing eco-conscious solutions, for example, we think they're going to create trillions of dollars of business opportunities in the next couple of decades," he said, which could include everything from meat alternatives to green energy.

"We want to be part of it." — Bloomberg



**Green investments:** An employee of state-linked Singapore investment firm Temasek Holdings Temasek Holdings walks along the corridor of their offices in Singapore. Temasek's investment thesis and stance on environmental, social and corporate governance issues mirrors many other large global investors that now actively favour sustainable deals. — AFP